

Laporan Persidangan/*Report on Conferences*

Report on the Workshop on Thesaurus Construction for the Clearinghouse of Information on Women in Development (6–10 January 1986: Jakarta)

Khoo Siew Mun*

The Workshop on the Thesaurus Construction under the auspices of the Asean Women's Programme was attended by 15 participants from the ASEAN countries. Malaysia was represented by Mrs. Khoo Siew Mun, University of Malaya Library, and Mrs. Majmin bte Abdul Rahman, Secretariat for Women's Affairs, Prime Minister's Department.

After a brief opening ceremony at which the representatives of the funding agencies and the Coordinator for the Project welcomed the participants and outlined the background to the Workshop, the members got down to discussion by about 10 a.m. of the first day. The meeting elected Ms. Luwarsih Pringgoadisurjo, Director of the Pusat Dokumentasi Nasional Indonesia (PDIN) to chair the Workshop.

Subsequently, all sessions stretched from 9 a.m. to 4 p.m. with one afternoon's lunch break being given over to a museum visit.

CONCEPTUAL ASPECTS

The first day was generally given over to discussing the concepts behind the thesaurus and deciding to what purpose specifically the thesaurus ought to be targeted.

The Workshop reiterated the need for a special thesaurus on women in development as a tool for exchange of information within the region on this field as has been debated upon in earlier forums.

The first plenary session addressed itself initially to the question of the direct focus for the thesaurus, as to whether 'Women in development', 'Women's studies'; or just 'Women' should be the target of the thesaurus. The meeting then decided to devolve into sub-committee to resolve this question. It was felt that the conceptual framework of the thesaurus must be resolved before any other discussion could take place relevantly: in relation to the entries which could go specifically into the thesaurus; as well as the style and wording of the entries. The sub-committee consisted of the Regional Coordinator in the chair, guiding the chief delegates from each Asean country.

*Chief Librarian, University of Malaya.

It was resolved that there is essentially no contradiction between the term 'Women' and 'Women in development'. It was agreed that 'Women in development' would be the target or focus of the thesaurus, but that this phrase will be interpreted in the widest possible way in order to accommodate all the aspects, ways, and situations in which women contribute to the developmental process.

Specifically, the thesaurus will attempt to help organize materials in relation to 14 major categories in which women play an important role.

The categories as proposed[†] cover the role of women in political, social, economic and legal development; the position of women in religion, international relations (as for example their regional groupings and associations of women); population and demography; on education and women; on the biological and psychological conditions of women; women and the part they play in literature and the arts, in the sciences and technological fields, and in historical development. Other general literatures such as biographies and bibliographies on women, etc. were also proposed to be covered.

CONSTRUCTION OF THE THESAURUS

For the second part of its work the meeting considered the draft thesaurus which had already been compiled by the PDIN team. Throughout the Workshop, the participants found this draft thesaurus to be a very useful basis for discussion.

The approach to the thesaurus construction adopted so far by the team had been the 'merging' method whereby terms are selected from a number of thesauri and are merged to form a new thesaurus. The Workshop was briefed on the style and format of the thesaurus together with the way thesaural relationships in the index terms had been established.

Examination of Index Entry Terms

The Workshop first examined about 50 entries of the thesaurus in a plenary session. This gave an overall view to the members as to how the thesaurus worked. It also gave an opportunity to the members to question individual entries of the thesaurus. It also revealed the intricacy of the process.

[†]See the Report on the Workshop by the Coordinator, Ms. Luwarsih Pringgoadisurjo. A copy is available for reference in the Bahagian Koleksi Kebangsaan.

Examination of Index Terms in Working Groups

The Workshop then devolved into 3 working groups: each group comprising regional representatives as well as members of the working team from PDIN.

Each group systematically worked through various sections of the thesaurus in order to determine the following factors:

- (a) Whether a term is relevant or irrelevant.
- (b) Whether a term could be improved from the editorial or semantic viewpoint.
- (c) Determining whether the thesaural relationships used in the draft thesaurus were logically or academically acceptable.
- (d) Infusion of new relevant terms where such terms have been left out.

In this manner the bulk of the draft thesaurus was gone through. At the end of the exercise the thesaurus construction team was given an idea as to the way in which the second draft was to be constructed and the chief faults and weaknesses which could be remedied.

Testing of the Thesaurus

The last but one session was given over to the actual testing of the thesaurus by matching actual material against the index terms. For this, each group used either indexes or abstracts on women's studies which were provided by the various team members.

It was borne out by this session that the draft thesaurus needs to be tidied up, expanded and new terms need to be introduced.

In addition, the current terms must be examined both from the viewpoint of semantics, as well as from the thesaural relationships between index entries.

CONCLUSION

The meeting resolved that the following points should be observed in the construction of the second draft.

- (i) Concentration should be on the regional thesaurus which will be used for clearing information on a general level. Each country, however, could at its own discretion expand certain terms for its own use. This relates especially to local terms; local geographical regions and areas; local practices and activities of women including official organisations and women's movements in each country.
- (ii) The thesaurus team will shift their methodology from the 'merging methodology' of constructing the thesaurus to use a combination of merging and the empirical bottom-up approach. Where necessary, for certain broad fields such as education, the theoretical top-down approach will be used to refine the thesaurus.

- (iii) A period of testing the draft thesaurus will also be allocated to country members who will be asked to consult subject specialists as well as professionals in the field to determine the relevancy and accuracy of terms.

Division of Work

The 14 categories to be covered by the next draft thesaurus will be divided up between the regional teams to check and to test. Malaysia was given the task of testing and examining entries on (a) population and demography, (b) religion and philosophy, and (c) education of women.

Scheduling of Work

The working team will review, amend and expand the first draft thesaurus as advised by the Workshop. The second draft is scheduled to be ready by March 1986.

On receipt of this draft thesaurus, each regional team will test the draft by July or August of 1986.

All corrections by the regional groups will be picked up by the thesaurus construction team from August 1986. The revised second edition is scheduled to be completed by December 1986.

FINAL SESSION

Draft Report

The draft report on this Workshop by the Coordinator of the Project was adopted with some amendments, at a plenary session on 10 January 1986.

The Workshop closed with expressions of mutual goodwill and cooperation. The regional representatives expressed their confidence in the Indonesian team's ability to produce a second draft, under the able guidance of the Coordinator; and warmly thanked the hosts for their constant hospitality and care for the delegates. This went a long way towards making the Workshop enjoyable as well as being an enriching experience.

Bengkel Pengurusan Terbitan Undang-undang Malaysia (13-16 Januari 1986: Kuala Lumpur)

Sharipah Hanon Bidin*

Bengkel Pengurusan Terbitan Undang-undang Malaysia ini telah dianjurkan bersama oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan Jabatan Peguam Negara, bertem-

*Pustakawan Tingkatan Biasa, Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya.

pat di Perpustakaan Jabatan Peguam Negara, Bangunan Bank Rakyat, Kuala Lumpur. Bengkel ini diadakan selama 4 hari, iaitu dari 13 hingga 16 Januari 1986.

Walaupun bengkel ini telah diadakan secara tahunan khas untuk para pustakawan di jabatan-jabatan kerajaan, namun atas permintaan lain-lain institusi, ianya telah dibukakan pada tahun ini kepada peserta daripada universiti-universiti tempatan, badan-badan berkanun selain daripada jabatan-jabatan kerajaan itu. Jumlah peserta dihadkan supaya tidak terlalu ramai dan tahun ini seramai 27 orang para pustakawan dari institusi tersebut telah menyertai bengkel yang amat berfaedah ini.

Pada dua hari pertama, kuliah-kuliah telah diberikan dan topik-topik berkaitan dan mengenai latarbelakang kepada pengurusan terbitan undang-undang Malaysia disampaikan oleh para pensyarah yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Undang-undang di Jabatan Peguam Negara (JPN). Di antara topiknyalah:

1. Perkembangan perundangan dari segi sejarah dan perlembagaan. (Historical and constitutional development in regard to legislation).
2. Pengwujudan Wilayah Persekutuan dan undang-undang yang terpakai. (Creation of Federal Territories and the laws applicable thereat).
3. Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. (Parliament and State Legislative Assemblies).
4. Akta Tafsiran. (Interpretation laws)
5. Penyemakan dan Cetakan Semula Undang-undang dan Naskah yang Sahih bagi undang-undang bertulis. (Revision and Reprint of Laws and Authoritative text of written laws)

Sejarah perkembangan perundangan dan perlembagaan Malaysia bermula dari awal abad ke-19 lagi di mana penubuhan Negeri-negeri Selat pada 1824 telah memulakan penguasaan British dalam pemerintahan negeri-negeri tersebut dan kemudian bertapaknya sistem Residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS) dan penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri yang meluluskan *perintah dalam mesyuarat*.

Perkembangan perundangan berterusan dengan penubuhan pentadbiran British Military Administration, Malayan Union, Persekutuan Tanah Melayu (1948) dan selepas merdeka hingga ke hari ini. Undang-undang yang diperbuat mengikut peringkat-peringkat pemerintahan tersebut iaitu Ordinan/Enakmen/Akta adalah bahan-bahan bertulis yang sangat bernilai dalam sejarah perundangan kerana dari bahan-bahan ini tercatat corak dan bentuk pemerintahan yang dijalankan. Undang-undang ini masih ada yang terus terpakai hingga sekarang walaupun banyak undang-undang awal telah dimansuhkan. Beberapa contoh undang-undang telah diberikan kerana bahan-bahan

ini dengan mudah diperolehi daripada koleksi perpustakaan di JPN itu.

Perbincangan mengenai pengwujudan Wilayah Persekutuan adalah sangat menarik; memandangkan kesan daripada pengwujudan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan undang-undang yang terpakai ke atas kedua-dua Wilayah terdapat beberapa perbezaan. Dalam beberapa hal undang-undang yang terpakai ke atas negeri Selangor dan Sabah adalah terpakai ke atas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan penyesuaian. Pihak Kerajaan Persekutuan juga dalam banyak perkara menguatkuasakan undang-undang Persekutuan ke atas Wilayah-wilayah tersebut.

Di dalam kuliah mengenai kuasa perundangan pemerintahan, Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan beberapa peruntukan Persekutuan dan Negeri. Kuliah juga menerangkan tentang sistem dan proses Parlimen dan Dewan Negeri dengan menyentuh aspek-aspek bidang kuasa dan perjalanan/proses sebelum sesuatu undang-undang diluluskan. Walaupun secara am, adalah diketahui bahawa kuasa Parlimen atau Dewan Undangan Negeri membuat undang-undang tetapi dari kuliah tersebut maklumat yang lebih mendalam dan terperinci disampaikan dengan tujuan supaya para peserta tahu peringkat-peringkat sebelum undang-undang diwartakan di dalam *Warta Kerajaan*.

Kuliah mengenai Akta Tafsiran dan penyemakan dan cetakan semula undang-undang Malaysia telah diberikan di hari kedua. Tugas-tugas jabatan ini juga diterangkan walaupun ianya sangat rumit tetapi bermaklumat. Oleh kerana ianya tersangat 'spesifik', peserta-peserta telah diberitahu secara sepintas lalu tentang bagaimana *Akta Tafsiran* boleh digunakan di dalam proses membuat undang-undang dan juga dalam penyemakan undang-undang.

Hari ke-3 dan ke-4 adalah latihan praktik bagi kesemua peserta tetapi terlebih dahulu beberapa perkara penting mengenai penerbitan undang-undang di dalam '*Warta Kerajaan*' dijelaskan. Peserta telah diminta membuat pindaan-pindaan ke atas akta dan peraturan-peraturan yang diberikan sebagai latihan. Di sinilah kemahiran dan pengetahuan awal tentang undang-undang yang tersebut sangat penting. Namun begitu, memandangkan ramai peserta baru 'berkenalan' dengan penerbitan perundangan, maka masa praktikal ini dirasakan terlalu pendek.

Pada keseluruhannya bengkel ini sangatlah berfaedah dan memberikan manfaat kepada para pustakawan yang hadir. Masing-masing apabila selesai bengkel dijangka dapat menguruskan penerbitan perundangan yang diperolehi dengan lebih teratur dan kemaskini. Objektif yang dijangkakan iaitu bertujuan meluaskan pengetahuan mengenai sistem perundang-

an Malaysia dan meninggikan kemahiran dalam pengurusan dan penyelenggaraan terbitan undang-undang Malaysia, sedikit sebanyak telah tercapai kerana hampir semua menyokong dan meminta agar bengkel seumpama ini dipanjangkan atau suatu 'refresher course' diadakan bagi mereka yang hadir.

Kursus Permulaan Sains Perpustakaan dan Maklumat Untuk Pembantu/Kerani Perpustakaan (13-18 Januari 1986: Kuala Lumpur)

Latifah binti Sher Mohamad*
Rosmina binti Adam*

Kursus Pendek Pembantu/Kerani Perpustakaan ini dianjurkan oleh Persatuan Perpustakaan Malaysia dan diadakan selama satu minggu dari 13-18 Januari 1986 di Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya. Kursus ini dirasmikan oleh Naib Presiden Satu PPM, Cik Noor Aini Osman.

30 orang peserta dari berbagai-bagai institusi, firma dan badan berkanun menghadiri kursus ini. Ada juga peserta-peserta yang datang daripada jauh, iaitu Sabah dan Sarawak. Kami berdua telah mewakili Perpustakaan Universiti Malaya.

Tujuan kursus ini diadakan adalah seperti berikut:

1. Untuk memahami peranan perpustakaan dalam penyampaian dan penyebaran maklumat.
2. Untuk memahami organisasi bahagian-bahagian di perpustakaan dan tanggungjawab semua peringkat kakitangan.
3. Untuk mengetahui dan memahami serta menghargai tugas-tugas kerani/pembantu dan peranan mereka dalam organisasi sistem perpustakaan.
4. Untuk melatih mereka menjalankan tugas harian dengan lebih berkesan.
5. Untuk memupuk sikap yang sesuai terhadap tanggungjawab dan perkhidmatan kepada pengguna.

Seramai 8 orang pensyarah terlibat di dalam kursus ini. Mereka ialah: Puan Shahaneem Mustafa (Perpustakaan Awam Negeri Selangor), Puan Laila Hassan (Perpustakaan Institut Teknologi Mara), Encik Abdullah Kadir Baca (Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri), Puan Rahmah Abdul Jalil (Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia), Puan Zohrah Ibrahim (Perpustakaan Institut Teknologi Mara), Puan Indashah Hj. Sidek (Perpustakaan Institut Teknologi

Mara), Puan Sharizat Ibrahim (Perpustakaan Institut Teknologi Mara), dan Encik Chew Wing Fong (Lincoln Resource Centre).

Di antara perkara-perkara yang diliputi ialah: pentadbiran dan pengurusan, perolehan, pengkatalogan, kerja-kerja sirkulasi, perhubungan awam, perkhidmatan rujukan dan penggunaan bahan-bahan pandang-dengar.

Selain daripada mendengar syarahan-syarahan, peserta-peserta juga dikehendaki membuat latihan-latihan praktik. Ini termasuk juga latihan-latihan praktik seperti mengkatalog dan menjawab pertanyaan rujukan. Kami juga membuat lawatan ke Perpustakaan Petronas dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Walaupun kursus ini sangat singkat masanya, ia meliputi segala aspek berkenaan dengan urusan dan fungsi sesebuah perpustakaan. Pada keseluruhannya kursus ini mencapai matlamatnya dan memberi sedikit sebanyak faedah kepada peserta-peserta yang menghadirinya.

Pada hari penutup kursus ini Presiden PPM Puan Zawiyah Baba telah sudi datang dan menyampaikan sijil-sijil kepada peserta-peserta. Beliau menyatakan bahawa kursus ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dikalangan peserta-peserta dan PPM akan menganjurkan kursus-kursus seperti ini dari masa ke semasa.

Ceramah Pengenalan Sistem Paten (25 Februari 1986: Shah Alam)

Andrew Lee*

Ceramah ini dianjurkan oleh Pusat Penerangan dan Dokumentasi Paten atau Patent Information and Documentation Centre (PIDC) untuk memperkenalkan kepada para penyelidik, pengusaha perusahaan dan orang awam mengenai peranan dan fungsi Pusat serta kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Pusat ini. PIDC ditubuhkan pada 1hb Mei 1984 sebagai satu bahagian di Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan dengan tujuan memajukan sistem hakmilik industri tempatan (indigenous industrial property system), khususnya dalam bidang perkembangan teknologi dan ciptaan. Pusat ini juga memberi bantuan teknikal dalam pelaksanaan Akta Paten Malaysia (Akta 291 (1983)).

Seramai dua puluh peserta terdiri daripada peguam-peguam, pengusaha-pengusaha industri, penyelidik,

*Kerani, Perpustakaan Universiti Malaya.

*Pegawai Perpustakaan, Perpustakaan Kejuruteraan, Universiti Malaya.

pencipta-pencipta dan pustakawan menghadiri ceramah setengah hari itu. Sesi-sesi dibahagikan kepada ceramah yang diberikan oleh kakitangan Pusat, pertunjukan slaid dan video, sesi soal jawab dan lawatan ke bahagian-bahagian Pusat ini. Ceramah-ceramah oleh kakitangan PIDC memberi gambaran am mengenai tajuk-tajuk seperti berikut:

1. Definisi hakmilik industri.
2. Fungsi PIDC dan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan.
3. Alat-alat yang digunakan untuk mencari atau mengkelaskan dokumen paten, misalnya menggunakan 'Information Patent Classification (IPC) System'.
4. Dokumen-dokumen paten yang disimpan di PIDC seperti Malaysian Patents, U.S. Patents, European Patents, International Patents, Australian Specifications, Japanese Patents Abstracts dan International Patents Documentation Centre Services (INPADOC).
5. Cara-cara mencari maklumat atau dokumen paten.

Pertunjukan slaid dan video memberi penjelasan secara ringkas perkara-perkara yang dibincangkan oleh penceramah-penceramah. Sesi soal-jawab berjalan lancar khususnya pertanyaan mengenai hal me-rahsiaikan (secrecy) semasa Pusat menjalankan pencarian maklumat ataupun mempertimbangkan permohonan paten. Perbincangan juga meliputi yuran yang dikenakan oleh Pusat untuk menggunakan perkhidmatan dan kemudahannya.

Dalam program lawatan, peserta-peserta ditunjuk kemudahan yang berada di Pusat. Satu demonstrasi mencari dokumen paten ditunjukkan oleh seorang kakitangan Pusat dan ini memberi peluang kepada para peserta melihat dengan sendiri pelbagai bentuk dokumen paten yang disimpan, kebanyakannya

dalam bentuk mikroform, dan alat-alat membaca yang digunakan untuk membaca mikroform tertentu.

Selepas ceramah, para peserta bersetuju bahawa sesi-sesi berfaedah kepada mereka, terutama dalam:

1. Meluaskan fahaman mereka mengenai paten dan maklumat paten.
2. Meluaskan kesedaran terhadap satu pusat sumber maklumat yang amat berfaedah kepada profesion mereka serta orang ramai.
3. Meluaskan fahaman mereka mengenai peranan dan fungsi PIDC.
4. Pengurangan kos serta masa yang terlibat semasa mencari maklumat mengenai paten.

Perkara yang menarik perhatian para peserta ceramah ini ialah maklumat bahawa kemudahan-kemudahan PIDC dibuka kepada orang ramai dan Pusat hanya mengenakan yuran nominal jika salinan fotokopi diminta atau jika ia menjalankan pencarian maklumat untuk pihak peminta.

Sebagai lanjutan kepada Ceramah ini, PIDC ber-cadang mengadakan satu latihan amali pada masa akan datang dengan tujuan memberi latihan praktikal mencari maklumat paten dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Pusat tersebut.

Diharap pustakawan-pustakawan dapat menghadiri bengkel yang akan datang untuk meluaskan pengalaman mereka supaya dapat memberi perkhidmatan yang berkesan kepada pengguna-pengguna mereka.

Kakitangan akademik di Universiti Malaya, khususnya jurutera-jurutera di Fakulti Kejuruteraan boleh mendapat faedah jika mereka menggunakan sumber maklumat seperti yang tersebut di atas dalam penyelidikan dan pengajaran mereka.

Maklumat am mengenai PIDC disimpan di Pejabat Perpustakaan Kejuruteraan, Universiti Malaya dan untuk keterangan lanjut sila berhubung dengan PIDC.